



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (2) Disember 2019 (051-060)

Perbandingan Penggunaan Kata Sendi Nama 'Di' Dalam Lagu Gurindam Jiwa Dan Terjemahannya Dalam Bahasa Perancis

Fatin Najlaa Malik¹, Omrah Hassan @ Hussin² & Zaitul Azma Zainon Hamzah³
fatinnajlaamalik@gmail.com¹, omarrah@upm.edu.my², zazh@upm.edu.my³

*Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia*

Tarikh terima : 22 Julai 2019
Received
Terima untuk diterbitkan : 5 Dis 2019
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Dis 2019
Published online

Abstrak

Kebiasaannya dalam pembentukan ayat bagi menunjukkan arah atau tempat, sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Perancis, masing-masing menggunakan kata sendi nama yang tertentu atau khusus, bergantung kepada kesesuaian ayat. Kata sendi nama 'di' yang digunakan dalam bahasa Melayu adalah berbeza jika dikaji dari sudut gramatikalnya dengan penggunaan *à*, *à la*, *à l'* atau *dans* dalam bahasa Perancis. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kata sendi nama 'di' yang terdapat dalam lagu Gurindam Jiwa, serta menentukan bentuk kata sendi nama 'di' tersebut dalam ayat terjemahannya, iaitu dalam bahasa Perancis. Sampel kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah lirik lagu Gurindam Jiwa yang dipetik daripada filem Gurindam Jiwa yang popular pada tahun 1965. Dalam kajian ini, teori analisis kontrastif telah digunakan bagi membuat perbandingan dari sudut frasa sendi nama antara bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Setiap rangkap pantun yang mengandungi kata sendi nama 'di' dianalisis dan dibandingkan dengan kata sendi nama dalam bahasa Perancis. Keputusan kajian mendapati penggunaan kata sendi nama 'di' dalam pembentukan frasa sendi nama bahasa Melayu apabila diterjemah dalam bahasa Perancis, adalah berbeza dengan penggunaan kata sendi nama dalam frasa sendi nama bahasa Perancis, dan ini disebabkan oleh peraturan tata bahasa bahasa Perancis itu sendiri. Dapatan kajian ini akan dapat membantu pelajar yang mempelajari bahasa Perancis khususnya, untuk mengenali dan memahami akan bentuk serta penggunaan kata sendi nama 'di' yang diterjemahkan kepada bahasa Perancis menjadi *à*, *à l'* atau *à la*, serta membantu mereka daripada melakukan kesilapan dalam menggunakan kata sendi nama bahasa Perancis.

Kata kunci : kata sendi nama, frasa sendi nama, bahasa Melayu, bahasa Perancis.

Comparison of Usage 'Di' in 'Gurindam Jiwa' Soul Songs And the Translation in French

Abstract

Usually, in order to form a sentence to show direction or place, either in Malay or French, both languages are using a particular word which is called preposition, depending on how relevant the preposition could be used in the sentence. The preposition 'di' that is used in the Malay language is different if compared to French preposition which are *à*, *à la*, *à l'* or *dans*. The purpose of this study is to identify the preposition 'di' in the Gurindam Jiwa

song, and also to specify the equivalent word of 'di' when the prepositional phrases are translated into French. The research sample used in this study is the lyrics of the Gurindam Jiwa song quoted from the popular film in 1965, Gurindam Jiwa. In this study, contrastive theoretical analysis has been used to differentiate the prepositional phrases in terms of Malay language and French language. In each verse of the song that containing preposition 'di' is analyzed and compared with the French preposition. The findings of the study show how the preposition 'di' in Malay language has changed to various words when it is translated into French, and it happens due to the French language rules itself. The findings of this study will help students who are studying French language to recognize and understand the form and the use of the preposition 'di' after it is translated into French, where the translation of 'di' will be in a various form such as à, à l' or à la, besides this study could also help students avoid mistakes while using the French preposition in making any sentences.

Keyword : preposition, prepositional phrase, Malay language, French language.

1. Pengenalan

Kata sendi nama merupakan bahagian penting dalam pembentukan ayat, sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Perancis atau bahasa-bahasa selainnya. Kajian yang dilakukan ini adalah berfokuskan kepada penggunaan kata sendi nama “di” dalam frasa sendi nama yang terdapat dalam lirik lagu Gurindam Jiwa, iaitu sebuah lagu dalam filem Melayu lama yang popular. Pengkaji memilih lirik lagu ini adalah kerana melihatkan kepada penggunaan kata sendi nama ‘di’ yang banyak digunakan dalam sebuah lagu yang pendek, dan kesemua kata sendi nama ini apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis akan melibatkan perbincangan aspek tatabahasa yang khusus. Kesemua frasa sendi nama yang telah dikenal pasti di dalam lirik lagu tersebut dibandingkan dengan frasa sendi nama dalam ayat terjemahannya, iaitu dalam bahasa Perancis. Perbandingan dibuat bagi melihat sama ada terdapat perbezaan atau persamaan dari sudut bentuk kata sendi nama “di” dalam frasa sendi nama antara bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Justeru, frasa sendi nama dalam bahasa Melayu yang telah dikenal pasti dalam lagu ini diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis bagi melihat apakah bentuk kata sendi nama yang terhasil setelah diterjemah, dan seterusnya perbandingan dibuat antara frasa sendi nama dalam kedua-dua bahasa yang dikaji. Kajian ini dilihat dapat membantu pelajar terutamanya pelajar yang sedang mempelajari bahasa Perancis, di samping dapat memberi pengetahuan baharu kepada pelajar yang menguasai bahasa Melayu untuk mengenali kata sendi nama bahasa Perancis yang pelbagai.

2. Sorotan Kajian

Beena Sudhakaran (2014) telah menjalankan kajian berkaitan dengan penggunaan kata sendi nama bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Melayu. Dalam menyiapkan kajian tersebut, tujuh orang pelajar Melayu telah dipilih sebagai sampel kajian. Seterusnya kajian dijalankan untuk mengenal pasti sejauhmanakah pelajar-pelajar tersebut memperoleh kata sendi nama bahasa Inggeris secara semulajadi, yakni tanpa melalui sebarang proses pengajaran dan pembelajaran. Dua jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah sesi temu bual bersama pelajar-pelajar (sebagai sampel kajian) dan juga sesi pembentangan pelajar. Setelah instrumen-instrumen kajian tersebut dianalisis, didapati pelajar cenderung melakukan kesalahan yang melibatkan penggunaan kata sendi ‘untuk saya’ dalam keadaan atau situasi di mana ia tidak diperlukan. Selain itu, pelajar-pelajar tersebut turut melakukan kesilapan dengan menggunakan kata keterangan berbanding kata sendi. Maka, berdasarkan analisis dan keputusan kajian yang diperolehi, didapati bahawa guru mahupun tenaga pengajar sepatutnya dilengkapi dengan kemahiran yang khusus dan berkebolehan dalam menyampaikan topik kata sendi nama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka. Dalam pada itu, asas tatabahasa juga harus disampaikan dengan berkesan dan lebih mendalam memandangkan ada sesetengah pelajar yang sukar untuk memperolehi atau mempelajarinya secara semulajadi. Di samping itu, turut diingatkan bahawa setiap pelajar mempunyai perbezaan dari segi kadar pembelajaran dan tahap pencapaian. Berdasarkan kepada hasil kajiannya, Beena mendapati bahawa guru

bahasa seharusnya dilengkapi dengan kemahiran yang khusus agar topik kata sendi atau preposisi dapat disampaikan kepada pelajar dengan lebih berkesan. Di samping itu, beliau turut menyatakan bahawa pelajar bertanggungjawab memastikan kesediaan diri mereka dalam mempelajari serta memperoleh kata sendi. Malahan, Beena turut mencadangkan agar perubahan dibuat terhadap silibus dalam bidang pengajaran kata sendi.

Sementara itu, Ong Shyi Nian dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) telah menjalankan kajian tentang penguasaan kata sendi nama bahasa Jepun dalam kalangan pelajar Melayu. Dalam kajian tersebut, untuk mengenal pasti tahap penguasaan pelajar dalam topik kata sendi nama, instrumen kajian yang digunakan ialah kertas peperiksaan akhir kursus TBEJ1331. Pada bahagian Soalan 2 kertas peperiksaan akhir tersebut, terdapat soalan yang memerlukan pelajar untuk mengisi tempat kosong dengan kata sendi nama yang betul dan bersesuaian. Hasil kajian mendapati, kesilapan dalam pemilihan kata sendi nama dalam membentuk frasa sendi nama bahasa Jepun adalah berpunca daripada gangguan bahasa ibunda pelajar itu sendiri, serta sikap pelajar yang tidak prihatin terhadap nahu bahasa Jepun dan sikap malas bertanya serta sikap pelajar yang tidak serius dan tidak membuat ulangkaji untuk menghadapi peperiksaan akhir. Justeru, para pensyarah disyorkan untuk meneliti faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan penguasaan kata sendi nama dalam kalangan pelajar agar langkah yang terbaik untuk mengatasi permasalahan tersebut dapat diambil.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Norizan Che Su (2017) terhadap kata sendi nama ‘pada’ antara bahasa Melayu dan bahasa Thai turut menyokong dapatan kajian oleh Beena Sudhakaran. Dalam kajiannya, Norizan telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan mengedarkan borong soal selidik kepada 13 orang pelajar Thailand dari *University Rat Chaphat Thep Satterti*. Borang soal selidik tersebut seterusnya dianalisis dan dijadikan sebagai data sekunder bagi kajian tersebut. Dalam kajian ini, teori analisis kontrastif telah digunakan dalam membuat perbandingan antara bahasa Melayu dan bahasa Thai bagi mengenal pasti perbezaan dan persamaan yang terdapat di antara kedua-dua bahasa tersebut. Hasil daripada dapatan kajian ini, didapati bahawa terdapat perbezaan yang amat ketara dari segi konteks keterangan waktu bagi kata sendi nama ‘pada’ antara bahasa Melayu dan bahasa Thai. Dalam bahasa Melayu, kata sendi nama ‘pada’ digunakan sebelum kata nama di dalam ayat bagi menunjukkan keterangan waktu. Sementara itu, dari segi bahasa Thai, kata sendi nama ‘pada’ yang menunjukkan keterangan waktu terbahagi kepada tiga. Hal ini menyebabkan wujudnya kekeliruan dalam kalangan pelajar dari segi memilih kata sendi nama yang sesuai digunakan dalam membentuk frasa sendi nama bahasa Thai. Tambahan pula, berdasarkan kepada bahasa Thai, kata sendi nama ‘pada’ mempunyai perkataannya sendiri di dalam bahasa Thai apabila sesuatu frasa sendi nama tersebut didahului dengan perkataan ‘ada’. Ini bermakna, kata sendi nama ‘pada’ tersebut akan berubah perkataannya kepada sesuatu perkataan yang lain, yakni tidaklah sama strukturnya seperti bahasa Melayu, iaitu kata sendi nama ‘pada’ tersebut kekal sama walau ia digunakan dalam pelbagai jenis struktur ayat sekalipun. Oleh sebab itu, bagi pelajar yang tidak memahami dan mengetahui peraturan bahasa Thai secara mendalam dan sepenuhnya, mereka akan cenderung melakukan kesilapan dalam membentuk frasa sendi nama dengan menggunakan kata sendi nama ‘pada’. Oleh itu, Norizan telah mencadangkan agar dalam kajian yang akan dilakukan pada masa akan datang, tumpuan lebih diberikan kepada penggunaan kata sendi nama ‘pada’ dari segi konteks perbualan seharian.

Bertitik tolak daripada kajian yang dibuat oleh Ong Shyi Nian dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, serta kajian oleh Norizan Che Su, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan membincangkan tentang perbandingan dari sudut penggunaan kata sendi nama ‘di’ dalam bahasa Melayu yang terdapat dalam lagu Gurindam Jiwa, dan penggunaan kata sendi nama dalam ayat terjemahannya iaitu dalam bahasa Perancis.

3. Metodologi Kajian

Dalam menyiapkan kajian ini, kaedah yang dipilih ialah kajian kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan bahawa melalui kaedah analisis dokumen, kajian yang dijalankan kelak akan memperoleh maklumat yang relevan berkaitan dengan isu dan masalah yang ingin dikaji. Menurut beliau, dokumen merupakan sumber yang paling senang dan mudah untuk dikaji memandangkan kesemua maklumat yang diperlukan telah tersedia. Tambahan pula, dokumen juga merupakan sumber yang berfakta, dan tidak boleh menipu. Dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, kesemua frasa sendi nama yang terkandung di dalam lirik lagu Gurindam Jiwa akan dikenal pasti dan kemudiannya frasa sendi nama tersebut akan diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis bagi melihat perubahan yang berlaku terhadap frasa sendi nama tersebut setelah ia diterjemah.

Instrumen Kajian

Instrumen dalam kajian ini ialah lirik lagu ‘Gurindam Jiwa’ yang mengandungi 5 rangkap pantun.

¹Tuai padi antara masak
Esok jangan layu-layuan
Intailah kami antara nampak
Esok jangan rindu-rinduan

²Anak Cina memasang lukah
Lukah dipasang di Tanjung Jati
Di dalam hati tidak ku lupa
Bagai rambut bersimpul mati

³Batang selasih permainan budak
Daun sehelai dimakan kuda
Bercerai kasih bertalak tidak
Seribu tahun kembali juga

⁴Burung merpati terbang seribu
Hinggap seekor di tengah laman
Hendak mati di hujung kuku
Hendak berkubur di tapak tangan

⁵Kalau tuan mudik ke hulu
Carikan saya bunga kemboja
Kalau tuan mati dahulu
Nantikan saya di pintu syurga

4. Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, telah dikenal pasti beberapa frasa sendi nama yang terkandung dalam lirik lagu Gurindam Jiwa tersebut. Walaubagaimanapun, kata sendi nama “di” hanya terdapat dalam rangkap yang kedua, keempat dan kelima. Setiap rangkap lagu yang mengandungi kata sendi nama ‘di’ tersebut telah dianalisis satu persatu agar perbandingan yang ingin dibuat lebih jelas dan mudah difahami.

i) Frasa sendi nama dalam rangkap lagu yang kedua :

²Anak Cina memasang lukah
Lukah dipasang *di Tanjung Jati*
Di dalam hati tidak ku lupa
Bagai rambut bersimpul mati.

- ❖ Berdasarkan kepada rangkap lagu yang tertera di atas, terdapat dua frasa sendi nama yang menggunakan kata sendi nama “di” iaitu:

- a) *di tanjung Jati*
- b) *di dalam hati*

ii) Frasa sendi nama dalam rangkap lagu yang keempat :

⁴Burung merpati terbang seribu
Hinggap seekor *di tengah laman*
Hendak mati *di hujung kuku*
Hendak berkubur *di tapak tangan*

- ❖ Berdasarkan kepada rangkap lagu yang tertera di atas, terdapat tiga frasa sendi nama yang menggunakan kata sendi nama “di” iaitu:

- a) *di tengah laman*
- b) *di hujung kuku*
- c) *di tapak tangan*

iii) Frasa sendi nama dalam rangkap lagu yang kelima :

⁵Kalau tuan mudik ke hulu
Carikan saya bunga kemboja
Kalau tuan mati dahulu
Nantikan saya *di pintu syurga*

- ❖ Berdasarkan kepada rangkap lagu yang tertera di atas, terdapat satu sahaja frasa sendi nama yang menggunakan kata sendi nama “di” iaitu:

- a) *di pintu syurga*

Terjemahan frasa sendi nama dari bahasa Melayu kepada bahasa Perancis

Berikut merupakan jadual bagi terjemahan frasa sendi nama yang terdapat dalam lirik lagu Gurindam Jiwa yang telah diterjemahkan daripada bahasa Melayu kepada bahasa Perancis :

Jadual 1. Terjemahan frasa sendi nama dari bahasa Melayu kepada bahasa Perancis

Bil	Bahasa Melayu	Bahasa Perancis
a)	<i>di</i> Tanjung Jati	<i>à</i> Tanjung Jati
b)	<i>di</i> dalam hati	<i>dans</i> le coeur (dans mon coeur)
c)	<i>di</i> tengah laman	<i>dans</i> le centre du jardin de devant
d)	<i>di</i> hujung kuku	<i>à l'</i> extrémité du doigt
e)	<i>di</i> tapak tangan	<i>sur</i> la paume.
f)	<i>di</i> pintu syurga	<i>à la</i> porte du Paradis

Berdasarkan kepada Jadual 1, iaitu perbandingan antara frasa sendi nama bahasa Melayu dan bahasa Perancis, beberapa kata sendi nama dalam bahasa Perancis telah dapat dikenal pasti iaitu :

- a) *à*
- b) *dans*
- c) *à l'*
- d) *à la*

Dalam bahasa Perancis, kata sendi nama “di” biasanya diterjemahkan sebagai *à*. Manakala, kata sendi nama *dans* diterjemahkan sebagai “dalam”. Hasil daripada analisis lirik lagu yang telah dibuat, dapat dilihat sememangnya kata sendi nama dalam bahasa Perancis dan bahasa Melayu mempunyai perbezaan yang amat ketara. Hal ini dibuktikan apabila kata sendi nama “di” dalam bahasa Melayu telah berubah kepada sama ada *à*, *à l'*, *à la* atau *dans* dalam ayat terjemahan bahasa Perancis, dan ianya tidak hanya terikat pada satu perkataan sahaja iaitu ‘di’ seperti dalam bahasa Melayu. Walaupun terdapat empat kata sendi nama bahasa Perancis yang diperoleh setelah terjemahan dibuat iaitu *à*, *dans*, *à l'*, dan *à la*, namun, hanya kata sendi nama *à*, *à l'*, *à la* yang akan dibincangkan dalam bahagian ini.

Berdasarkan penterjemahan yang dibuat seperti dalam Jadual 1, kata sendi nama ‘di’ dalam frasa sendi nama bahasa Melayu telah berubah bentuk kepada *à*, *à l'*, dan *à la*. Walaupun perkataan bagi kata sendi nama tersebut berbeza, namun ketiga-tiga kata sendi nama tersebut mempunyai maksud asal yang sama iaitu “di” seperti dalam bahasa Melayu. Variasi kata sendi nama dalam bahasa Perancis tersebut adalah disebabkan oleh pengaruh gender gramatikal yang telah ditetapkan bagi setiap kata nama dalam bahasa Perancis. Selain itu, pengkelasan bagi kata nama bahasa Perancis, sama ada terdiri daripada kata nama khas ataupun kata nama am turut mempengaruhi pembentukan frasa sendi nama dalam bahasa Perancis.

Penggunaan Kata Sendi *À*, *À l'*, dan *À la* Dalam Frasa Sendi Nama Bahasa Perancis

Menurut Hazlina Abdul Halim (2013), bahasa Perancis adalah bahasa yang mempunyai gender gramatikal. Setiap kata nama dalam bahasa Perancis memang dikelaskan kepada feminin atau maskulin dan tidak ada satu kata nama pun yang terkecuali. Unsur gender gramatikal yang terdapat dalam peraturan bahasa Perancis ini sememangnya mempengaruhi kewujudan variasi kata sendi nama dalam membentuk frasa sendi nama bahasa Perancis. Oleh sebab itu, jika dilihat semula kepada frasa sendi nama bahasa Melayu seperti yang tertera dalam Jadual 1, frasa nama yang digunakan dalam kesemua frasa sendi nama tersebut mempunyai bentuk yang berbeza-beza iaitu *Tanjung Jati*, *hati*, *laman*, *kuku*, *tapak tangan*, dan *pintu syurga*. Jika dilihat dari segi tatabahasa bahasa Perancis, setiap kata nama tersebut akan dikelaskan mengikut gender masing-masing sama ada maskulin atau feminin. Seterusnya, untuk membentuk frasa

sendi nama dengan menggunakan kata nama yang dinyatakan tadi, perlulah dilihat semula gender bagi setiap kata nama tersebut sebelum kata sendi nama yang sesuai dipilih untuk dipadankan bagi menghasilkan satu frasa sendi nama yang tepat. Maka, terhasillah kata sendi *à*, *à l'*, dan *à la* seperti terjemahan yang dibuat dalam Jadual 1 di atas.

1. Kata Sendi *À*

Berdasarkan penterjemahan frasa sendi nama dalam Jadual 1, frasa sendi nama *di Tanjung Jati* telah diterjemah menjadi *à Tanjung Jati*. Kata sendi nama yang digunakan dalam frasa sendi nama bahasa Perancis tersebut ialah kata sendi nama "*à*". Menurut Claude Vandeloise (2017), kata sendi nama "*à*" digunakan di hadapan frasa nama bandar atau negara. Namun demikian, kata nama **Tanjung Jati** yang digunakan dalam lirik lagu tersebut bukanlah jenis kata nama negara atau kata nama bandar. Kata sendi nama "*à*" tetap digunakan di hadapan kata nama tersebut kerana **Tanjung Jati** adalah dari jenis kata nama khas. Dari sudut peraturan bahasa Perancis, sekiranya kata nama tempat tersebut terdiri daripada nama negara (hanya sesetengahnya sahaja), nama bandar atau nama tempat yang menggunakan kata nama khas, maka, hanya kata sendi nama "*à*" sahaja yang sesuai dan boleh diletakkan di hadapan kata nama-kata nama tersebut ketika membentuk frasa sendi nama bahasa Perancis. Sebagai contoh :

a) kata sendi nama *à* + kata nama (negara bersaiz kecil) :

à Singapour, *à* Kuwaït

b) kata sendi nama *à* + kata nama (bandar) :

à Paris, *à* Kuala Lumpur

c) kata sendi nama *à* + kata nama (kata nama khas) :

à Pulau Perhentian

2. Kata Sendi *À l'*

Dalam Jadual 1, kata sendi nama '*à l'*' diletakkan di hadapan frasa nama *extrémité du doigt* yang membawa maksud *di hujung kuku* berdasarkan kepada lirik lagu yang dikaji. Kata sendi nama '*à l'*' sebenarnya adalah hasil gabungan kata sendi nama '*à*' dengan artikel pasti (*article défini*) iaitu '*l'*'. Dalam bahasa Perancis, terdapat empat jenis artikel pasti (*article défini*) iaitu *le*, *la*, *l'* dan *les*. Hazlina Abdul Halim (2015) menyatakan bahawa dalam bahasa Perancis, kata nama am biasanya mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan satu artikel yang bergantung kepada gender gramatikal sama ada ia adalah artikel pasti (*article défini*), artikel tak pasti (*article indéfini*) mahupun artikel partitif (*article partitif*). Dalam bahasa Perancis, terdapat rumus yang digunakan bagi menghasilkan kata sendi nama '*à l'*' iaitu :

kata sendi nama '*à*' + artikel pasti (*article défini*)

$$\begin{array}{ccc} \downarrow & & \downarrow \\ \textit{à} & + & \textit{l'} \\ & & = \textit{à l'} \end{array}$$

Antara keempat-empat artikel pasti (*article défini*) dalam bahasa Perancis iaitu *le*, *la*, *l'* dan *les*, artikel pasti '*l'*' digunakan bagi menterjemah frasa sendi nama *di hujung kuku*. Hal ini kerana, kata nama '*hujung*' apabila diterjemahkan dalam bahasa Perancis akan menjadi *extrémité*. Dari segi peraturan tatabahasa bahasa Perancis, setiap kata nama am yang ejaannya bermula dengan huruf vokal (*a*, *e*, *i*, *o*, *u*,

h, y), artikel pasti (*article défini*) ‘*l*’ akan diletakkan di hadapan kata nama tersebut. Oleh hal yang demikian, frasa sendi nama ‘*di hujung kuku*’ diterjemahkan sebagai ‘*à l'extrémité du doigt*’ dalam bahasa Perancis, dan kata sendi nama ‘*à l*’ digunakan bagi frasa sendi nama tersebut kerana ejaan kata nama *extrémité* bermula dengan huruf vokal, ‘*e*’.

3. Kata Sendi *À la*

Bagi kata sendi nama ‘*à la*’ pula, kata sendi nama tersebut diletakkan di hadapan kata nama ‘*porte du Paradis*’, iaitu hasil terjemahan bagi frasa sendi nama ‘*di pintu syurga*’. Kata sendi nama ‘*à la*’ juga merupakan hasil gabungan antara kata sendi nama ‘*à*’ dengan artikel pasti (*article défini*) ‘*la*’. Hazlina Abdul Halim (2015) menyatakan bahawa, kata sendi nama ‘*à la*’ biasanya digabungkan dengan kata nama bentuk tunggal bagi tempat atau bangunan yang bergender feminin. Oleh sebab itu, bagi frasa sendi nama ‘*di pintu syurga*’, apabila diterjemahkan kepada bahasa Perancis akan menjadi ‘*à la porte du Paradis*’. Dapat dilihat dalam frasa sendi nama tersebut, kata sendi nama ‘*à la*’ diletakkan di hadapan kata nama ‘*porte*’ yang membawa maksud ‘*pintu*’, kerana kata nama ‘*porte*’ tersebut bergender feminin. Rumus yang digunakan bagi menghasilkan kata sendi nama ‘*à la*’ adalah sama seperti rumus yang digunakan bagi menghasilkan kata sendi nama ‘*à l*’ seperti yang dibincangkan dalam bahagian kata sendi ‘*à l*’ di atas.

5. Kesimpulan

Menerusi kajian yang telah dilakukan, dapat dilihat bahawa frasa sendi nama bahasa Melayu dan frasa sendi nama bahasa Perancis mempunyai struktur yang hampir sama berdasarkan kaedah terjemahan yang dilakukan seperti dalam Jadual 1. Meskipun struktur frasa sendi nama adalah hampir sama, namun, kata sendi nama yang digunakan dalam frasa sendi nama yang diterjemahkan adalah amat ketara perbezaannya. Dari sudut tata bahasa bahasa Melayu, kata sendi nama ‘*di*’ boleh dipadankan dengan apa sahaja kata nama bagi membentuk frasa sendi nama, misalnya, “*di Paris, di UPM, di taman, di rumah, di hotel*”. Berbeza pula dengan bahasa Perancis, kata sendi nama “*di*” dalam bahasa Perancis mempunyai bentuk yang berubah-ubah dan tidak tetap, misalnya, “*à Paris* (di Paris), *à UPM* (di UPM), *au jardin* (di taman), *à la maison* (di rumah) dan *à l'hôtel* (di hotel)”. Kajian yang dilakukan oleh Abeer Naser Eddine (2012) turut menyokong akan hal ini apabila beliau menyatakan dalam kajiannya bahawa preposisi atau kata sendi nama “*to*” dalam bahasa Inggeris mempunyai variasinya di dalam bahasa Perancis iaitu *à, au, à la, aux, en*. Begitu juga dengan kajian oleh Hazlina Abdul Halim (2015) yang menyatakan bahawa preposisi atau kata sendi nama *à la* biasanya digunakan untuk menyatakan ‘ke’ dan ‘di’ dalam bahasa Melayu, dan kenyataan ini selari dengan terjemahan yang dilakukan pada frasa sendi nama *di pintu syurga* seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1, *à la porte du Paradis*. Bentuk kata sendi nama ‘*di*’ dalam bahasa Perancis yang tidak tetap dan berubah-ubah adalah disebabkan oleh pengaruh gender gramatikal kata nama yang dipadankan dengan kata sendi nama. Berbeza pula dengan bahasa Melayu, setiap kata nama amnya tidak dikelaskan kepada gender sama ada maskulin ataupun feminin.

Berdasarkan kajian yang dibuat dan hasil daripada analisis kajian ini, diharapkan agar ia dapat membantu merungkai persoalan terhadap variasi bentuk kata sendi nama “*di*” dalam bahasa Perancis. Hal ini kerana, bentuk kata sendi nama “*di*” yang berubah-ubah dan tidak tetap setelah ia diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pelajar khususnya, terutamanya ketika pelajar ingin membentuk frasa sendi nama dalam bahasa Perancis. Kebiasaannya, pelajar yang mempelajari bahasa Perancis cenderung membuat kesilapan dalam memilih kata sendi nama “*di*” sewaktu membentuk frasa sendi nama bahasa Perancis. Hal ini disebabkan oleh tahap penguasaan pelajar dari segi gender kata nama am bahasa Perancis yang masih berada di tahap yang lemah, sekaligus menyukarkan pelajar untuk membuat pemilihan kata sendi nama dalam bahasa Perancis dengan tepat. Di samping itu, pelajar juga masih keliru dengan pengkelasan kata nama bahasa Perancis, sama ada kata nama tersebut

dari jenis kata nama khas atau kata nama am. Disebabkan wujud kekeliruan dari segi pengkelasan sebegini, pelajar akan cenderung membuat kesilapan dalam membina frasa sendi nama yang melibatkan kata nama yang terdiri daripada kata nama khas dan nama am. Hal ini demikian kerana, berdasarkan perbincangan yang telah dibuat dalam kajian ini, kata sendi nama bagi kata nama khas seperti bandar, negara (sesetengahnya sahaja) atau nama tempat yang menggunakan nama khas dalam bahasa Perancis ialah “à”. Berbeza dengan nama tempat atau bangunan dari jenis kata nama am, kata sendi nama bagi kata nama am pula ialah *au, à la, à l’* atau *aux*. Jelaslah bahawa, kewujudan variasi bentuk kata sendi nama “di” dalam bahasa Perancis bukan sahaja disebabkan oleh gender gramatikal bagi kata nama dalam bahasa Perancis itu sahaja, tetapi juga disebabkan oleh sistem pengkelasan bagi kata nama itu sendiri. Diharapkan, dalam kajian yang akan datang, fokus terhadap faktor-faktor kewujudan variasi bentuk kata sendi nama “di” dalam bahasa Perancis akan dibuat dengan lebih mendalam, dan pengkelasan bagi setiap kata sendi nama tersebut juga dapat dibuat dengan lebih jelas dan teratur bagi memudahkan pelajar khususnya, untuk memahami dan menguasai topik kata sendi nama.

Rujukan

- Abdul Halim, H. (2013). Analisis Kesilapan Dan Strategi Pembelajaran Gender Gramatikal Bahasa Perancis. *Journal of Language Studies, Volume 13(1) : 169-184*.
- Abdul Halim, H. & Abdul Rahim, N. & Mamat, R. (2013). Kesilapan Pengurangan Dalam Pemerolehan Gender Gramatikal Bahasa Perancis. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, Vol. 10 : 157-178*
- Abdul Halim, H. & Abdul Rahim, N. & Mamat, R. (2015). Penggunaan Perkataan Semua Tujuan dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis: Satu Perbandingan. *Mahawangsa Pertanika Journals, Vol. 2 (1) : 1-14*.
- Abdul Halim, H. & Ang, L. H. (2015). Kesalahan Pemilihan dan Pembentukan Kata dalam Terjemahan Bahasa Perancis. *Journal of Language Studies, Volume 15(2) : 151-164*.
- Abdul Halim, H. & Ang, L. H. & Abdul Rahim, N. & Mamat, R. & Mansor, N. S. (2016). Kesilapan Ejaan Dalam Terjemahan Pelajar Bahasa Perancis Di Universiti Putra Malaysia. *Journal of Business and Social Development, Volume 4 Number 1:78-83*.
- Che Su, N. (2017). Analisis Kontrastif Kata Sendi Nama ‘Pada’ Bahasa Melayu dan Bahasa Thai. *Jurnal Linguistik Vol.21 (1) : 55-66*.
- Eddine, A. N. (2012). Interlanguage prepositions: an analysis of French learners’ productions in L2 English. *Linguistics. Université de Grenoble*
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Paper presented in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Mohd Saad, M. L. I. H. & Hajimaming, P & Zainon Hamzah, Z. A. (2014). Kepelbagaian Terjemahan Preposisi Arab dan Fungsinya dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik Vol.18(2) : 67-78*
- Ong, S. N. & Zainon Hamzah, Z. A. (2014). Memahami Penguasaan Kata Sendi Nama Bahasa Jepun Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Pendekatan Analisis Kesilapan.
- Said, S. & Fital, S.N.J. & Che Pa, N. S. (2014). Analisis Gender Dalam Bahasa Melayu Dari Sudut Leksikal Dan Makna.
- Sudhakaran, B. (2014). The Use Of Prepositions Among Malay Adult Esl Learners. *International Journal of English Language and Linguistics Research, Vol.3, No. 4: 8-22*.
- Vandeloise, C. (2017). Three Basic Prepositions In French And In English. *The Genesis and Dynamics of Spatial Adpositions, HS-23:1-21*.
- Volk, M. & Tidström, F. (2017). Comparing French PP- attachment to English, German and Swedish.
- Zainon Hamzah, Z. A. (2017). Nilai Pendidikan dan Kebijaksanaan Masyarakat Melayu dalam Pantun dan Peribahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation, 5(2) :73-86*.

Biodata Penulis

Fatin Najlaa Malik ialah pelajar Sarjana di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia

Prof Madya Dr Omrah Hassan @ Hussin ialah pensyarah bahasa Perancis di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Prof Madya Dr Zaitul Azma Zainon Hamzah merupakan pensyarah dalam bidang Semantik dan Pragmatik di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia